

BAB 2 PERWAKILAN DATA



2.1.1 Nombor Perduaan dan Nombor Perpuluhan

Manusia menggunakan sistem perpuluhan dalam kehidupan seharian. Sistem ini menggunakan digit-digit 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9 untuk mewakili sebarang nombor. Sistem perpuluhan juga dikenali sebagai **Sistem Asas 10** kerana terdapat sepuluh pilihan digit daripada 0 hingga 9.

Komputer menggunakan sistem perduaan untuk menyimpan data. Sistem ini menggunakan dua digit sahaja iaitu 0 dan 1 untuk mewakili data. Sistem perduaan juga dikenali sebagai **Sistem Asas 2** kerana terdapat dua pilihan digit iaitu 0 dan 1.